



KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

Kerajaan Negeri Kelantan mempelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan, berpengalaman dan mempunyai kepakaran serta kelayakan akademik dalam bidang Perkhidmatan Veterinar untuk mengisi kekosongan jawatan secara kontrak dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan. Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut :

1. (a) Jawatan : Pengarah
- (b) Jabatan : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pertanian (G)
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
- (e) Skim Perkhidmatan : Pegawai Veterinar
- (f) Gred Jawatan : GV 54
- (g) Taraf Jawatan : Kontrak
- (h) Bilangan Kekosongan : Satu (1)

2. (a) Jadual Gaji :

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM 6,078.00 | RM 13,144.00 | RM 320.00 |

- (b) Imbuhan Tetap : Imbuhan Tetap Perumahan : RM 900.00
Imbuhan Tetap Keraian : RM 800.00
Bantuan Sara Hidup : RM 250.00

3. Syarat Lantikan :

- a) Mempunyai Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau Ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua.

4. Syarat Pemohonan :

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Berumur **tidak kurang 50 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan.
- c) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **15 tahun** dalam tugas yang berkaitan dengan perkhidmatan veterinar.
- d) Bagi calon yang sedang berkhidmat dalam sektor awam boleh dipertimbangkan setelah memenuhi syarat dan peraturan yang berkuatkuasa semasa.

5. Syarat Tambahan :

- a) Memahami mengenai proses dan prosedur Kerajaan.
- b) Boleh mengetuai dan memimpin jabatan serta mampu bekerja secara berkumpulan.
- c) Mempunyai kemahiran merancang dan mengurus.
- d) Mempunyai kemahiran interpersonal, pentadbiran organisasi dan pengurusan sumber yang efektif.
- e) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- f) Keutamaan diberikan kepada Anak Kelantan.

6. Deskripsi Tugas :

- a) Mengetuai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.
- b) Menguatkuasakan undang-undang dan enekman negeri yang berkaitan.
- c) Bertanggungjawab mengawal penyakit-penyakit haiwan dan rawatannya.
- d) Memastikan makanan ternakan selamat untuk pengguna.
- e) Merancang dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan dan penambakan mutu ternakan.

7. Cara Permohonan :

Permohonan hendaklah mengisi secara 'online' melalui laman sesawang <https://www.kelantan.gov.my/jawatankosong>. Permohonan yang tidak memenuhi peraturan yang ditetapkan akan ditolak. Dokumen sokongan yang diperlukan seperti senarai di bawah hendaklah dihantar kepada alamat atau email kepada bpsm@kelantan.gov.my.

YBrs. Pengarah,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan,
Aras 1, Blok 2, Kompleks Kota Darulnaim,
15502 KOTA BHARU

Dokumen Sokongan

- i. **Salinan Kad Pengenalan**
- ii. **Salinan Sijil Lahir**
- iii. **Salinan Kelulusan Akademik**
 - (a) **Sijil Pelajaran Malaysia**
 - (b) **Diploma**
 - (c) **Ijazah Sarjana Muda**
 - (d) **Ijazah Sarjana Lanjutan**
 - (e) **Lain-Lain Dokumen yang berkaitan**
- iv. **Gambar berukuran passport terkini**

8. Tarikh Tutup Iklan : **11 Mac 2021 (Khamis)**